

GARIS PANDUAN PROGRAM KERJAYA PEWARISAN SYARIAH

KERJASAMA STRATEGIK DIANTARA



1. PENGENALAN, KONSEP DAN SYARAT PENYERTAAN PROGRAM KERJAYA PEWARISAN SYARIAH

- 1.1. Program Kerjaya Pewarisan Syariah merupakan program kolaborasi di antara PTPTN dan Wasiyyah Shoppe Berhad, sebuah syarikat amanah patuh Syariah yang terbesar di Malaysia dalam melahirkan individu yang berpotensi dalam menyebarluaskan pengetahuan dan solusi pewarisan dan perancangan harta secara patuh Syariah.
- 1.2. Tiada yuran pendaftaran yang akan dikenakan kepada peserta di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini.
- 1.3. Peserta yang menyertai Program ini akan dilatih secara konsisten oleh individu-individu yang profesional dan berpengalaman di dalam bidang Fiqh Mawarith disamping disokong oleh Wasiyyah Shoppe Berhad yang mempunyai 18 tahun pengalaman dalam bidang Fiqh Mawarith di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.
- 1.4. Peserta akan dilatih untuk mempromosikan lebih dari 38 jenis variasi perkhidmatan pewarisan dan perancangan harta secara Syariah yang dibangunkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad.
- 1.5. Peserta akan diletakkan dibawah kumpulan yang berstruktur mengikut lokasi dan lokaliti peserta untuk memastikan latihan dan bimbingan secara efisien dapat dibuat.
- 1.6. Peserta berpeluang untuk menjana pendapatan lumayan melalui rumenerasi menarik dalam bentuk komisen yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad.
- 1.7. Dibawah Program ini, peserta akan didedahkan dengan peluang-peluang pasaran yang tiada batasan dan mendalamai isu-isu menarik berkenaan dalam pewarisan dan perancangan harta secara Syariah di Malaysia.
- 1.8. Peserta juga akan mempunyai akses kepada sistem pembelajaran atas talian yang fleksibel dan boleh diakses pada bila-bila masa dengan kehadiran capaian internet.
- 1.9. Kelebihan Program Kerjaya Pewarisan Syariah:
 - Komisen yang menarik dan lumayan;
 - Sistem pembelajaran secara atas talian yang mudah diakses dimana jua pada bila-bila masa sahaja;
 - Waktu kerja fleksibel;
 - Sokongan pemasaran berterusan oleh individu profesional dan berpengalaman oleh pihak Wasiyyah Shoppe Berhad;
 - Latihan dan bimbingan yang berterusan oleh pihak Wasiyyah Shoppe Berhad;
 - Pasaran luas tanpa sempadan;
 - Tidak melibatkan transaksi tunai;
 - Solusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad adalah patuh Syariah.

2. SYARAT PENYERTAAN SEBAGAI PESERTA KERJAYA PEWARISAN SYARIAH.

2.1. Diantara syarat penyertaan sebagai peserta Kerjaya Pewarisan Syariah adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Beragama Islam.
- c) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- d) Merupakan peminjam PTPTN;
- e) Berstatus Tamat Pengajian dalam rekod PTPTN dan bayaran balik pinjaman;
- f) Tidak berstatus bankrap;
- g) Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- h) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam apa-apa bidang;
- i) Mempunyai minat yang tinggi dalam keusahawanan.

3. PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA

3.1. Peminjam yang berminat untuk menyertai Program Kerjaya Pewarisan Syariah boleh melayari laman sesawang PTPTN untuk membaca dan meneliti latar belakang Program serta syarat penyertaan.

3.2. Sekiranya peminjam berminat untuk menyertai sebagai peserta, peminjam boleh mengisi borang penyertaan ke sesi Previu Kerjaya Pewarisan Syariah.

3.3. Wasiyyah Shoppe Berhad akan mengadakan sesi Previu Kerjaya secara berkala sama ada atas talian atau secara fizikal (mengikut kesesuaian) dan akan dimaklumkan kepada peminjam yang berminat.

3.4. Setelah menghadiri sesi Previu Kerjaya, peminjam yang berminat untuk menyertai Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai Daie Mawarith boleh mengisi borang pendaftaran sebagai Daie **tanpa sebarang caj**.

3.5. Peserta akan didaftarkan sebagai Daie Mawarith oleh Wasiyyah Shoppe Berhad dan akan ditempatkan dibawah naungan ketua-ketua Daie (selepas ini dirujuk sebagai Ketua Daié Mawarith) yang bersesuaian mengikut lokaliti peserta di seluruh Malaysia.

3.6. Setiap Daie Mawarith yang berdaftar akan menandatangani sebuah Perjanjian Perlesenan bersama Wasiyyah Shoppe Berhad bagi tempoh satu tahun. Daié Mawarith dikehendaki untuk meneliti dan membaca perjanjian tersebut.

4. KLAUSA PENTING DALAM PERJANJIAN.

4.1. Perjanjian Perlesenan boleh diakses selepas Dai'e Mawarith telah berjaya didaftarkan.

4.2. TEMPOH PERJANJIAN

4.2.1. Perjanjian akan berkuatkuasa dalam tempoh satu tahun (12 bulan).

4.2.2. Dai'e hendaklah sentiasa **BERTANGGUNGJAWAB** untuk memastikan perjanjian dalam keadaan SAH untuk menikmati segala manfaat yang dinyatakan didalam perjanjian.

4.2.3. Dai'e hendaklah mempersetujui penerimaan Perjanjian Perlesenan melalui Surat Akuan sebelum memulakan kursus melalui LMS Dai'e secara atas talian.

4.3. JAM KREDIT

4.3.1. Dai'e Mawarith perlu melengkapkan **16 jam kredit** minimum dalam tempoh perjanjian berkuatkuasa.

4.4. TANGGUNGJAWAB SEBAGAI DAIE MAWARITH.

4.4.1. Dai'e Mawarith perlu bertanggungjawab terhadap kandungan perjanjian yang ditandatangani.

4.4.2. Dai'e perlu memahami, menghayati dan mematuhi IKRAR, VISI, MISI, NILAI KORPORAT, KOD PROFESIONAL, FALSAFAH dan mengamalkannya sepanjang masa dalam menjalankan perniagaan Wasiyyah Shoppe Berhad.

4.4.3. Dai'e perlu mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak syarikat.

4.4.4. Dai'e juga **wajib melengkapkan 16 JAM KREDIT** yang ditetapkan dalam tempoh SAH perjanjian yang berkuatkuasa selama **12 bulan** dari tarikh perjanjian ditandatangani.


4.4.5. Dai'e juga perlu mengikut MODUL LANJUTAN yang dikendalikan secara berkala oleh Ketua Dai'e Eksekutif, Dai'e Profesional Mawarith atau syarikat.

4.4.6. Dai'e Mawarith juga perlu melengkapkan kesemua modul di dalam sistem pembelajaran atas talian (LMS) dalam tempoh 3 bulan. Kegagalan dalam berbuat demikian akan menyebabkan akses kepada sistem Syarikat dihalang. Dai'e Mawarith perlu membuat permohonan pengaktifan semula dalam tempoh satu bulan selepas akses dihalang. Mana-mana akses yang dihalang melebihi tempoh satu bulan akan dianggap tidak aktif dan kontrak akan ditamatkan.

4.4.7. Dai'e Mawarith faham dan menerima bahawa bagi setiap komisen yang melebihi RM 500 (lima ratus ringgit sahaja), RM 50 (lima puluh ringgit) akan ditolak bagi tujuan bayaran balik pinjaman PTPTN.

5. SISTEM RUMENERASI SEBAGAI DAIE MAWARITH.

5.1. STRUKTUR ASAS DAIE



Rajah 1

5.2. RUMENERASI PERKHIDMATAN PENGURUSAN (AL-WASITAH)

	REMUNERASI	DELIMA	ZAMRUD
1	Ketua Dai'e Eksekutif	RM 3.00	RM 5.00
2	Dai'e Professional Mawarith	RM 1.00	RM 1.00
3	Pengenal	RM 2.00	RM 2.00
4	Individu Menjual	RM 15.00	RM 39.00

Jadual 1

5.3. RUMENERASI SOLUSI PERKHIDMATAN PERANCANGAN DAN PUSAKA

PRODUK PERANCANGAN		DM
A	Dokumen Perlantikan Wasi	25 %
B	Klausula Tambahan	
C	Dokuman Wasiat 1/3	
D	Dokuman Harta Sepencarian	
E	Kasih Ku	
F	Hibah	
G	Surat Ikatan Amanah	
KES PUSAKA LUAR		
H	Pusaka Kecil (kes-kes yang dibicarakan di Pejabat Pusaka Kecil)	RM 500
I	Pusaka Besar (kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Sivil)	Rujuk jadual di bawah

* Bagi produk Hibah Hartanah Komprehensif, 10% Caj Tabarru' akan ditolak terlebih dahulu sebelum pengiraan komisen.

PUSAKA BESAR

Perintah	Nilai Harta	Komisen Dai'e
Surat Kuasa Mentadbir	Kurang dari RM5 juta	RM1,350.00
Perintah Pembahagian		RM1,350.00
Surat Kuasa Mentadbir	RM5 juta – RM10 juta	RM2,000.00
Perintah Pembahagian		RM2,000.00
Surat Kuasa Mentadbir	RM10 juta – RM15 juta	RM3,180.00
Perintah Pembahagian		RM3,180.00
Surat Kuasa Mentadbir	RM15 juta – RM20 juta	RM3,960.00
Perintah Pembahagian		RM3,960.00
Surat Kuasa Mentadbir	Melebihi RM20 juta	RM6,900.00
Perintah Pembahagian		RM6,900.00

6. SYARAT UNTUK MEMPERBAHARUI PERJANJIAN

Berikut merupakan syarat untuk memperbaharui perjanjian selepas tamat tempoh perjanjian yang pertama. Syarat ini hanya terguna pakai bagi Daie yang didaftarkan di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah dan **tertakluk kepada tempoh perjanjian yang pertama sahaja** (bagi tempoh 12 bulan yang pertama).

6.1. SECARA AUTOMATIK ATAU PERCUMA

Daie Mawarith yang mencapai prestasi jualan seperti dibawah akan melayakkan mereka memperbaharui perjanjian secara **PERCUMA** dan **AUTOMATIK** untuk tempoh perjanjian yang akan datang.

TAHAP DAI'E	KOUTA TEMPOH MENGIKUT PERJANJIAN
	JUALAN PERIBADI
DAI'E MAWARITH (DM)	6 Kes Al Wasitah atau RM 10,000 Perancangan atau RM 10,000 Pusaka + 16 Jam Kredit

6.2. JUALAN MINIMA YANG PERLU DICAPAI UNTUK MEMPERBAHARUI KONTRAK

Daie Mawarith perlu mencapai minima jualan seperti dibawah untuk melayakkan mereka memperbaharui kontrak bagi tempoh yang seterusnya dengan bayaran pembaharuan sebanyak RM 60 (enam puluh ringgit sahaja).

TAHAP DAI'E	KOUTA TEMPOH MENGIKUT PERJANJIAN
	JUALAN PERIBADI
DAI'E MAWARITH (DM)	3 Kes Al Wasitah atau RM 5,000 Perancangan + 16 Jam Kredit